

1,927 pegawai kadet PALAPES terima tauliah

Serdang: Seramai 1,927 pegawai kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) terdiri daripada 20 universiti awam (UA) seluruh negara ditauliahkan sebagai Pegawai Muda dalam perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan pangkat Leftenan Muda.

Istiadat Pentauliahkan Diraja Pegawai Kadet PALAPES UA ke-43 itu disempurnakan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah, di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini semalam.

Baginda turut berkenan mengurniakan watikah tauliah kepada pegawai yang terdiri daripada 1,098 Pegawai Muda dalam Rejimen Askar Wataniah (RAW); 431 Pegawai Muda dalam Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia (PSSTLDM) serta 398 Pegawai Muda dalam Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Udara Diraja Malaysia (PSSTUDM),

disusuli dengan bacaan ikrar Taat Setia Perwira.

Tengku Amir bertitah, menekankan kejayaan Pegawai Kadet PALAPES adalah sebahagian daripada usaha memperkasakan ATM melalui pendekatan keseluruhan kerajaan dan keseluruhan masyarakat yang menuntut kerjasama seluruh agensi kerajaan, swasta dan masyarakat dalam mempertahankan negara daripada ancaman semakin kompleks.

Baginda bertitah, ATM kini sedang melaksanakan pelan transformasi dan pemodenan berperingkat berdasarkan konsep Angkatan Masa Hadapan yang bertujuan mewujudkan sebuah angkatan lebih bersepadu, tangkas dan berfokus dalam operasi pelbagai domain.

“Pembentukan Angkatan Masa Hadapan yang dirangka ATM memerlukan penyertaan dan penglibatan bakat serta kemahiran dalam pelbagai bidang yang boleh di-

sumbangkan saudara dan saudari.

“Justeru, beta menyeru agar saudara dan saudari akan terus aktif dengan perkhidmatan angkatan sukarela yang ada di seluruh negara ataupun menyertai angkatan tetap setelah tamat pengajian,” titah baginda.

Baginda dalam titahnya, menzahirkan ucapan tahniah kepada semua pegawai kadet yang ditauliahkan, sambil mengingatkan kejayaan itu bukan sekadar pencapaian peribadi, sebaliknya permulaan kepada tanggungjawab besar sebagai pemimpin muda masyarakat dan perwira simpanan negara.

“Dengan ilmu asas ketenteraan yang telah dipelajari sepanjang latihan, beta berharap saudara dan saudari akan menjadi warganegara yang berdisiplin, berjiwa kesatria serta cintakan tanah air yang berdaulat ini,” titah baginda.

Terdahulu, ketibaan baginda kira-kira jam 9 pagi disambut Menteri Pertahanan, Datuk Seri Moha-



Tengku Amir Shah berkenan memeriksa Perbarisan Kehormat pada Istiadat Pentauliahkan Diraja Pegawai Kadet PALAPES UA ke-43 di Padang Kawad Universiti Putra Malaysia, Serdang, semalam. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

med Khaled Nordin dan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Mohd Nizam Jaffar.

Yang turut hadir, Naib Canselor UPM, Datuk Prof Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah.

Istiadat Pentauliahkan Diraja Pegawai Kadet PALAPES UA itu adalah istiadat yang diadakan secara tahunan dan dianjurkan UA di seluruh Malaysia mengikut penggiliran. **BERNAMA**